

Pembinaan Individu Berdasarkan Falsafah Rukun Islam (*Individual Development Based on The Philosophy of The Pillars of Islam*)

Bushrah Basiron¹, Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain^{1*}

¹ Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sosial Sains dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: mtalhah.uda@gmail.com

Accepted: 15 May 2021 | Published: 1 June 2021

Abstrak: *Falsafah Rukun Islam, berkait dengan Iman dan Ihsan sehingga memberikan kesan terhadap pembinaan individu kepada perubahan kebaikan di dunia dan di akhirat. Kebejatan sosial yang berlaku pada hari ini berpunca daripada kurang penghayatan terhadap pengamalan rukun Islam. Rukun Islam hadir bertujuan memandu manusia dalam melaksanakan tujuan hidup sebagai Abid dan Khalifah di atas muka bumi ini dengan tersusun dan memberi kesan perubahan sekeliling. Kefahaman makna terhadap kesaksian syahadah, pengamalan Ibadah yang syumul pada solat, puasa, zakat dan mengerjakan haji memberikan dampak kepada perubahan individu muslim yang menyeluruh sehingga perubahan tersebut memberikan kesan kepada sebuah keluarga, masyarakat dan Negara seperti yang telah di tunjukkan oleh Rasulullah SAW. Rujukan yang digunakan dalam kajian ini, sepenuhnya menggunakan kaedah kualitatif, bersumberkan pencarian keperpustakaan terhadap kitab-kitab dan bahan ilmiah. Justeru, kajian ini di harapkan dapat memberikan konsep dan falsafah rukun Islam secara mendalam berdasarkan perkaitannya terhadap Islam, Iman dan Ihsan.*

Kata kunci: Falsafah Rukun Islam, Hubungan Iman dan Ihsan, Perubahan Individu

Abstract: *The philosophy of the Pillars of Islam, is related to Iman and Ihsan so that it affects the construction of the individual to change the good in this world and in the hereafter. The social depravity that occurs today stems from a lack of appreciation for the practice of the pillars of Islam. The present pillars of Islam aim to guide human beings in carrying out the purpose of life as Abid and Caliph on this earth in an organized manner and give effect to the changes around. Understanding the meaning of the testimony of syahadah, practicing Ibadah that is comprehensive in prayer, fasting, zakat and performing Hajj has an impact on the overall change of the Muslim individual so that the change affects a family, society and country as shown by the Prophet SAW. The references used in this study, entirely using qualitative methods, were sourced from library searches of books and scholarly materials. Therefore, this study is expected to provide the concept and philosophy of the pillars of Islam in depth based on its relevance to Islam, Iman and Ihsan.*

Keywords: Philosophy of the Pillars of Islam, The Relationship of Iman and Ihsan, Individual Change

1. Pengenalan

Sebuah hadis menceritakan Islam adalah agama yang *syumul* dan lengkap, merangkumi aspek aqidah, syariat dan *muamalat* serta akhlak. Ianya seperti yang terkandung dalam sebuah hadis Imam An-Nawawi, hadis kedua dalam hadis 40:

Maksudnya: Daripada Saidina Umar al-Khattab, Mafhum hadis malaikat Jibrail bertanya, Wahai Muhammad! Terangkan kepadaku tentang Islam. Lalu Rasulullah SAW bersabda: Islam itu bahawa engkau naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan bahawa Muhammad itu utusan Allah SWT, (dan bahawa) engkau mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan haji ke BaitulLah (Mekah) sekiranya engkau berkuasa mengerjakannya. Lelaki tersebut berkata: Benarlah engkau. Maka kamipun merasa hairan kepadanya, dia yang bertanya dia pula yang membenarkannya. Dia bertanya: Terangkan kepadaku tentang Iman. Baginda bersabda: (Iman itu ialah) bahawa engkau percaya kepada Allah SWT, para MalaikatNya, kitab-kitabNya, para RasulNya, hari Qiamat dan bahawa engkau percaya kepada Qadar baik dan buruk. Lelaki itu berkata: Benarlah engkau. Dia berkata lagi: Terangkanlah kepadaku tentang Ihsan. Baginda bersabda: Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah SWT seolah-olah engkau melihatNya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatnya, maka sesungguhnya Dia melihatmu...”

(Hadis riwayat Muslim, kitab al-iman, no: 9 dan 10, al-Tirmizi, kitab al-iman, no: 2535, beliau berkata: hadis ini hasan shahih, al-Nasaa’ie, kitab al-iman, no: 4904, 4905, Abu Dawud, kitab al-sunnah, no:4075, Ibn Majah, kitab al-muqaddimah, no: 62 dan 63, Ahmad, musnad المبشرين العشرة, no: 346)

Menurut huraian daripada kitab *Fi Zilal Nawawiyah* (Kamaru Salam Yusuf & Suwaibah Muda, 2014) dalam menghuraikan hadis ini, ia menjelaskan isi utama dalam perbincangan kepada hadis ini adalah berkenaan ajaran *ad-Deen*, bahkan Imam Nawawi sendiri menyebut hadis ini sebagai *aslul Islam* (Pokok kepada Islam) kerana ke semua ilmu, adab dan pengetahuan Islam terdapat di dalam hadis ini.

Justeru, intipati daripada hadis ini, kita perlu renungi semula falsafah Islam, sebagai mana Rasulullah SAW berjaya membentuk seseorang individu itu mengikut acuan Islam dengan menerapkan tiga unsur ini (Islam, Iman dan Ihsan), sehingga mengubah sebuah masyarakat di Mekah yang unggul (Sofiy al-Rahman, 2011), dan penduduk Madinah berjaya menjadikan negara Madinah sebagai sebuah Negara Islam (Said Ramadan al-Buti, 2018). Namun, solusi yang Rasulullah SAW hadirkan ketika itu ialah *Ad-Deen Islam*. Penghayatan terhadap amalan di sebalik rukun Islam iaitu falsafahnya. Daripada pemahaman yang jelas dan selaras dalam kalangan sahabat Rasulullah SAW terhadap falsafah rukun Islam ini, ia berjaya mengubah landskap Mekah, Madinah dan tanah arab keseluruhannya kepada sebuah komuniti dan Negara yang sejahtera, mendamaikan, serta masyarakatnya tunduk kepada syariat Islam (Yusuf Qardawi, 1993). Justeru, kertas kerja ini, ingin menjelaskan falsafah disebalik rukun Islam dan perhubungannya dengan Islam, Iman dan Ihsan dalam menjadikan seseorang individu tersebut sebagai Individu muslim yang berjaya.

2. Definisi Islam

Islam memberikan tafsiran yang sangat luas dan tepat pada situasinya. Islam secara *lafziyan* mempunyai beberapa makna iaitu tunduk, menyerah diri, suci, sejahtera dan perdamaian. Kesemua ini lafaz yang sangat harmoni dengan makna Islam itu sendiri. Misalnya, makna Islam yang pertama iaitu menundukkan (*Islam al wajhi*). Seperti mana dalil yang terkandung di dalam al-Quran iaitu,

Maksudnya: “*Siapakah yang terlebih baik agamanya dari orang yang taslim (menundukkan) kepada Allah, sedang ia berbuat kebaikan dan mengikut agama Ibrahim yang lurus? Dan Allah telah mengangkat Ibrahim itu sebagai taulan/kesayangan (-Nya)*”

(Surah An-Nisaa’ 4:125)

Makna yang ke dua adalah, berserah diri berdasarkan perkataa (*Istislam*). Dalil daripada ayat al-Quran,

Maksudnya: “*Maka mengapa mereka mencari agama yang lain selain agama Allah, padahal apa yang di langit dan di bumi Islam (berserah diri) kepadanya, (baik) dengan suka maupun terpaksa, dan hanya kepadanya mereka dikembalikan.*”

(Surah al-‘Imraan 3:83)

Manakala, makna Islam berikutnya membawa maksud suci, bersih berdasarkan kalimah *As-salaamah*. Perhatikan ayat al-Quran yang menyatakan sedemikian.

Maksudnya, “*Kecuali orang yang datang ke hadirat Allah dengan hati yang Islam (suci bersih)*”

(Surah Asy-Syu‘araa’ 26:89)

Seterusnya lafaz Islam yang ke-empat adalah bermaksud selamat, sejahtera (*As-salaam*), merujuk kepada ayat al-Quran iaitu,

Maksudnya, “*Apabila telah datang kepada engkau orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami, maka ucapkanlah kepada mereka ‘salaamun alaikum’ (kesejahteraan ke atas kamu)*”

(Surah Al-An‘aam 6:54)

Terakhir makna Islam secara definisi lafziah membawa maksud perdamaian (*As-salmu*). Berdasarkan dalil dari al-Quran,

Maksudnya, “*Maka janganlah kamu lemah dan menyeru kepada Islam (perdamaian), sedang kamu orang tertinggi (akan menang), dan Allah berserta kamu (menolong-mu) dan Dia tidak akan mengurangkan (pahala) amalanmu.*”

(Surah Muhammad 47:35)

Keseluruhan makna Islam tersebut, dirumuskan dalam jadual 1.1, definisi *taarif* Islam secara *lafziyyah* seperti ini:

Jadual 1.0: Definisi Taarif Islam dalam Al-Quran

Bil	Nama	Sumber
1	Menundukkan	Surah An-Nisaa': 125
2	Berserah diri	Surah al-'Imraan: 83
3	Suci dan bersih	Surah Asy-Syu'araa': 89
4	Sejahtera	Surah al-an'am: 54
5	Perdamaian	Surah Muhammad: 35

Justeru, berdasarkan sumber dalil daripada taarif Islam secara *lafziyah* di atas ini, setiap makna di dalam al-Quran perlu dilihat konteks dan kronologi ayat tersebut diturunkan. Namun, Islam itu perlulah berhubung dengan hal agama iaitu tunduk kepada arahan Allah SWT. Berserah diri sepenuhnya mengikut *syariat* Allah SWT. Suci dan bersihkan diri dari sebarang syirik, dosa dan maksiat. Akhirnya, Islam akan mendatangkan kesejahteraan dan kedamaian dalam dalam kehidupan seharian, sejagat dan kemasyarakatan. Itu lah definisi Islam yang sebenarnya. Maka, makna Islam secara integral adalah aqidah, amal soleh dan ketundukan. Islam adalah *ad-Deen* yang berintikan iman dan amal. Rukun Islam yang seharusnya di fahami oleh setiap muslim adalah beriman yang membawa kepada perubahan amal *solleh* serta amal yang akan mengubah persekitarannya.

3. Falsafah dan Konsep Rukun Islam

Rukun Islam

Allah menciptakan manusia ada sebab dan tujuan iaitu mengerjakan Ibadah serta melaksanakan tugas *Khalifah* seperti yang dijelaskan di dalam al-Quran (51:56) dan (2:30) (Thoriq Ahmad, 2010). Oleh itu, setelah diciptakan manusia, diciptakan pula jalan hidupnya iaitu jalan Iman dan Islam demi kesejahteraan dan kebahagiaannya (Abu A'la Al-Maududi, 1993).

Bagi menjamin manusia itu benar-benar menjadi khalifah di bumi, diwahyukan kepada para Rasul, agar menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap, untuk diikuti oleh manusia. serta Islam itu pula ditetapkan rukun-rukunnya untuk mudah manusia memahami apakah Islam itu dan apa pula tuntutan-tuntutannya (Harun Din, 1998). Lima rukun Islam mempunyai konsep dan falsafah yang amat luas dan mendalam. Selagi mampu menganalisa rukun Islam itu, maka selama itu rukun-rukun itu mampu memberikan erti, konsep dan falsafah yang sesuai diketengahkan sebagai panduan.

Konsep Rukun Islam

Perkataan 'rukun' jika diteliti dari sudut pengertiannya menerusi Kamus Marbawi dan kamus al-Maani (1997; 2019), ianya bererti, sesuatu yang menguatkan, yang mendukung, yang mempertahankannya atau memuliakannya, serta bahagian yang penting dan terkuat. Aspek yang boleh menguatkan, mempertahankan, memuliakan Islam itu adalah yang terkandung dalam rukun Islam. Rukun Islam dalam konteks ini merupakan suatu konsep tersendiri yang amat luas pengertiannya. Ia adalah nilai Islam itu sendiri pada diri seseorang. Rasulullah SAW pernah menyebutkannya rukun Islam iaitu solat sebagai tiang agama, sabda nabi yang bermaksud:

“Sembahyang itu tiang agama. Sesiapa yang mendirikanannya, maka sesungguhnya ia mendirikan agama. Sesiapa yang meninggalkannya maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan agama.”

(Riwayat al-Baihaqi (2550) di dalam al-Syu'ab)

Hadis di atas jelas bahawa rukun Islam iaitu solat sebagai tiang agama, yang bererti ianya bahagian penting yang berkait rapat dengan jatuh bangunnya Islam pada seseorang itu (Abu a'la Al Maududi, 2006). Jika ditinjau dari sudut yang lebih meluas dari konsep yang terkandung dalam rukun Islam, maka dapat diperincikan seperti berikut, Konsep Islam sebagai bangunan, Konsep rukun Islam sebagai sebagai skop amalan dan Islam yang syumul (Abu a'la Al Maududi, 1984). Ianya di jelaskan pada hadis yang ke tigada dalam hadis 40 imam Nawawi. Hadis itu memberi gambaran Islam itu sebagai sebuah bangunan. Konsep bangunan dalam konteks ini memberikan suatu gambaran yang lebih luas bahawa Islam itu mempunyai asasnya. Tiangnya, bumbungnya, dindingnya dan sebagainya. Asas adalah aqidah. Tiang adalah rukun Islam. Bubungan adalah pemerintahan Islam. Dinding adalah pelaksanaan undang-undangnya (Kamaru Salam Yusuf & Suwaibah Muda, 2014).

Manakala, rukun Islam yang bermula dari *syahadah* dan berakhir dengan haji. Ianya memberikan suatu gambaran tentang skop Islam yang luas. Di mana Islam itu tidak terhenti di atas pengakuan dan amalan secara individu sahaja tetapi ianya memerlukan gerak kerja dan tindakan yang meliputi sehingga kepada persoalan negara dan ummah. Syahadah tidak berhenti sekadar ucapan dan ungkapan, namun sebagai penyaksian pada setiap amal perbuatannya yang tunduk kepada aturan Allah SWT. Maka, gerak kerja, Tindakan dan penyaksian ini di panggil sebagai dakwah seperti dijelaskan dalam surah al-Baqarah ayat 143 (Abu A'la al-Maududi, 2010). Ibadah solat pula bukan sekadar lima waktu ketika solat tetapi bagaimana selepas solat tersebut mampu melindungi seseorang itu daripada melakukan perkara keji dan mungkar, serta bagaimana ingin memastikan *khusyuk* boleh didapati sepanjang solat, maka, ianya perlukan persiapan sebelum solat lagi. Begitu juga dengan Ibadah puasa, bagaimana puasa boleh mengekang hawa nafsu. Zakat boleh mendorong seseorang itu terus boleh ringan tulang untuk membantu berinfraq, sedekah dan memberi bukan sekadar pada *haul* zakat sahaja tapi spiritnya pada membantu orang muslim yang lain. Manakala ibadah haji adalah sebuah perkumpulan untuk saling mengetahui keadaan dunia dan ummat Islam (Abu a'la Al-Maududi, 2006).

MengIslamkan Diri

Konsep *syahadah* memberi erti bahawa Islam itu perlu dimulakan dengan diri sendiri. Tunduk patuh kepada perintah Allah SWT secara penuh ikhlas. Menyerah diri kepada Yang Maha Esa. Redha kepada semua hukum dan balasan yang diterima dari dunia hingga ke akhirat. Pengislaman diri dalam konsep *syahadah* ini memerlukan ketegasan hati dan kekuatan azam untuk menjadi hamba Allah SWT yang setia. Ketaatan dan kepatuhan hanya kepada Allah SWT yang diutamakan. Ketika Ali bin Abi Talib r.a. melafazkan kalimah syahadah ini dihadapan Rasulullah SAW dengan bersungguh-sungguh, Rasulullah bertanya (menguji) Ali.

Maksudnya: "Apakah kamu telah bertanya dan berunding dengan bapamu Abu Talib tentang pengislaman ini?" Ali bertanya balik kepada Rasulullah s.a.w.: 'Ya Rasulullah adakah Allah s.w.t. bertanya Abu Talib ketika saya hendak dijadikan.' 'Tidak.' kata Rasulullah. 'Kalau demikian,' kata Ali, 'mengapa saya perlu bertanya bapa saya (Abu Talib) dalam hal mengucap syahadah untuk berbakti kepada Allah yang menjadikan saya?"

Syahadah tidak melibatkan sesiapa, selain dari diri sendiri. Seseorang itu boleh beriman dengan Allah SWT dan boleh bersyahadah seorang diri dan sah Imannya di sisi Allah. Kerana itu dikaitkan konsep yang terkandung dalam *syahadah* itu dengan konsep mengIslamkan diri sendiri. Namun, apabila ia dikaitkan dengan penyaksian, maka syahadah berkait hubungan dengan orang lain iaitu berdakwah.

MengIslamkan Keluarga dan Masyarakat

Setelah seseorang itu bersyahadah yang dikaitkan dengan konsep mengIslamkan diri, seorang muslim itu perlu mendirikan solat. Konsep solat adalah konsep perhubungan dua hala. Hubungan dengan Allah SWT dan dengan manusia. Manusia yang perlu diberi perhatian dahulu adalah keluarga dan kemudian masyarakat. Konsep menjaga diri dan keluarga telah dinyatakan oleh Allah SWT. kepada Rasulullah SAW sejak dari zaman permulaan Islam dengan firmanNya yang bermaksud:

“Dan berilah peringatan kepada kerabatmu yang terdekat”

(Surah asy-Syuara’: 214)

“Wahai orang yang beriman jagalah diri kamu dan ahli-ahli (keluarga) kamu dari api neraka.”

(Surah at-Tahrim: 6)

Hubungan solat dengan keluarga dan masyarakat dapat dilihat dari tabiat solat yang memerlukan pertamanya berguru dan mengadakan persediaan awal untuk bersembahyang seperti pakaian, berwudu’, menghadap kiblat, menunggu masuknya waktu azan. Lebih-lebih lagi sembahyang itu digalakkan berjema’ah dan lelaki menjadi imam dan memimpin solat. Manakala, wanita dan anak-anak berada di bahagian belakang imam. Semua itu memerlukan perhubungan dengan keluarga dan masyarakat. Manakala, pengamalan luar daripada solat itu sendiri adalah hasil dan kesan daripada solat dengan berdakwah, berinteraksi dengan manusia agar meninggalkan kemungkaran dan menjadikan diri lebih bertaqwa, berdasarkan dalil daripada surah al-Ankabut, ayat ke 45.

Kepimpinan umat Islam

Jika dilihat dari solat berjema’ah, jelas kelihatan konsep kepimpinan yang amat diperlukan oleh umat Islam. Imam dalam solat memerlukan seorang yang mampu memimpin makmum dan mempunyai kelebihan dan keistimewaan, dari sudut akhlaknya, kelakuan dan tutur katanya tidak ada yang diragukan (Aerisuli Awang, 2011). Apabila imam mengetuai solat berjemaah, makmum mesti mengikutinya dalam semua gerak gerinya. Tidak ada yang boleh melawan atau membantah, selagi ia tidak menyalahi aturan dan peraturan Ilahi dalam solat. Sekiranya ia menyalahi hukum, makmum wajib mengingatkannya dan memperbetulkan kesalahannya.

Sekiranya Imam enggan memperbetulkan kesalahannya yang jelas ketara dalam solat, seperti meninggalkan rukun, sama ada secara terlupa atau jahil, maka makmum tidak wajib mematuhi atau mengikutinya lagi. Oleh itu Imam baru perlu dicari ganti. Konsep kepimpinan yang ditunjukkan contohnya dalam solat ini memberikan suatu gambaran bahawa dalam Islam pemimpin hanya seorang sahaja (Abu A’la al-Maududi, 1984). Pemimpin itu pula bukan bebas melakukan apa sahaja dalam kepimpinannya, malah ia hendaklah patuh kepada hukum-hukum Allah SWT. Kewajipan utama pemimpin adalah membawa pengikutnya (makmumnya) kepada keselamatan dan kesejahteraan yang diliputi oleh rahmat Allah SWT seperti dalam solat. Imam memimpin makmum dari Allahu Akhbar menuju kepada salam yang bererti: kesejahteraan ke atas kamu dan kerahmatan dari Allah.

Persaudaraan dan Pengurangan Kemiskinan

Dari rukun Islam yang mewajibkan zakat, terselit dalamnya konsep persaudaraan, keseimbangan dan pengurangan kemiskinan yang dianjurkan oleh Islam (Mohamad Sabri Haron, Riki Rahman, 2016). Bagi muslim yang kaya bersimpati dengan golongan yang miskin. Seterusnya bagi yang miskin menyayangi yang kaya kerana kemurahan hatinya, maka

terjalinalah suatu ikatan *ukhuwwah Islamiyah* yang amat diperlukan oleh insan tersebut. Konsep dan falsafah zakat di samping dapat mewujudkan keharmonian dalam masyarakat Islam, ia juga dapat mendekatkan jurang perbezaan antara yang kaya dan yang miskin (Harun Din, 1984). Sistem ini jauh lebih baik dari sistem kapitalis dan sosialis.

Jihad dan Penyatuan Umat

Rukun berpuasa memaparkan persoalan jihad dalam erti kata yang sebenar. Jihad melawan nafsu dan jihad melawan mungkar. Umat Islam generasi dahulu menjadi umat dan dapat memimpin manusia ke jalan Allah SWT, kerana mereka menghayati makna lafaz jihad. Dengan jihad musuh akan gerun dan mudah menyerah kepada kekuatan umat. Apabila jihad sudah ditinggalkan, maka umat Islam pula yang takut kepada musuh dan menurut segala yang diarahkan oleh mereka. Dengan berjihad melawan nafsu, perkara-perkara maksiat dapat di jauhi dan perkara-perkara makruf dapat dihayati. Dengan itu jihad melawan musuh dapat digarap dan dilaksanakan dengan sebaiknya.

Justeru, tatkala umat Islam sudah menjadi baik, jihad dapat ditingkatkan, maka musuh dapat dikurangkan. Dengannya umat Islam dapat dihindarkan dari perpecahan. Penyatuan pun dapat dihasilkan. Konsep haji antara lainnya adalah konsep penyatuan umat ketika berkumpulnya umat islam sedunia untuk berbincang, bermuktamar, bermuzakarah dan saling berkongsi idea untuk melengkapinya. Ia merupakan cara yang terbesar dan jalan yang paling Berjaya untuk mendidik saudara-saudara muslim sejagat supaya bersatu, berkasih sayang dan tolong-menolong (Abu A'la al-Maududi, 2006). Maka, rukun Islam boleh dilihat secara fasa-fasa pembinaan individu muslim tersebut sehingga sebuah masyarakat dan negara Islam yang kukuh. Namun, yang menjadi daya penolak kepada pengamalan Islam adalah berhubung kait dengan iman (Yusuf Qardawi, 1993; **Kamaru Salam Yusof & Suwaibah Muda, 2014**).

4. Hubungan Iman dengan Islam

Iman dengan makna *tasdiq* juga dinamakan akidah di mana rahsianya tidak diketahui sesiapa melainkan orang berkenaan dan Allah SWT sahaja (Yusuf Qardawi, 1993; Kamaru Salam Yusof & Suwaibah Muda, 2014). Namun demikian manusia mempunyai sifat-sifat lahiriah yang dapat dilihat melalui tingkah laku manusia sama ada melalui percakapan atau perbuatan. Hal inilah yang menjadi ukuran keimanan seseorang. Adapun segala yang tersirat di dalam hatinya terserah kepada Allah SWT. Iman yang melahirkan penyerahan diri kepada Allah SWT disebut sebagai Islam (Abu A'la al-Maududi, 2006). Hal ini bermaksud seseorang yang beriman hendaklah menyerahkan diri kepada Allah SWT dengan menerima segala hukum dan syariat yang diturunkan Ilahi. Penyerahan dan penerimaan ini berlaku dengan dua perkara iaitu:- (i) Dengan kepercayaan dan pegangan hati yang dinamakan Iman (akidah) (ii) Melalui sifat-sifat lahiriah iaitu melalui perkataan dan perbuatan (amalan) dinamakan Islam. Nabi Muhammad SAW telah menunjukkan penggunaan kalimah Iman dalam pengertian amal sebagaimana sabdanya yang bermaksud: "*Iman itu mempunyai 70 lebih atau 60 lebih cabang. Yang paling afdhalnya ialah ucapan "la ila ha illallah" dan yang paling rendahnya adalah membuang apa yang menyakitkan dari jalan. Dan malu itu sebahagian daripada iman*". (Riwayat Muslim, 162).

Oleh yang demikian jelas di sini Iman dan Islam mempunyai hubungan yang rapat dan tidak mungkin terpisah. Islam umpama pohon, sementara Iman umpama akar pepohon kayu. Kesuburan dan kekuatan akar pokok tersebut dapat dilihat dengan kesuburan pokok pada daun, ranting dan dahannya. Bagi menjelaskan tentang hubungan Iman dan Islam dengan perhatikan sebuah hadis sabda Nabi saw kepada rombongan Abdul Qias yang bermaksud:

“Aku menyuruh kamu beriman kepada Allah swt yang Maha Esa. Apakah kamu mengerti apa dia yang dikatakan beriman kepada Allah swt yang Maha Esa “. Iaitu penyaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah swt yang Maha Esa, tiada sekutu baginya, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan menunaikan satu perlima daripada harta rampasan perang”.

(Hadis Sahih Muslim Jilid 1. Hadis Nombor 0015)

Hadis di atas menjelaskan betapa adanya hubungan yang erat di antara Iman dan Islam di mana Islam itu menjadi salah satu daripada perinsip Iman dan Iman pula dilahirkan melalui Islam secara amali, dengan *iqrar syahadah* dan melaksanakan hukum syariat dalam segala amalan. Sekiranya berlaku *iqrar syahadah* dan menunaikan fardhu sedangkan hatinya tidak yakin atau tidak percaya serta ragu-ragu terhadap hukum hakam Allah SWT, maka seseorang itu dihukum tidak beriman walaupun masih dinamakan Islam sebagaimana yang berlaku kepada sesetengah orang-orang Badwi di zaman Rasulullah SAW (Said Ramadan al-Buti, 2018). Firman Allah SWT,

Maksudnya: “Orang Arab berkata: ‘Kami telah beriman.’ Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Kamu belum beriman’ (janganlah berkata demikian, sementara Iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu) berkatalah sahaja: ‘Kami telah Islam’”.

(Surah al-Hujuraat 49:14)

Kesimpulannya, Iman itu melambangkan sesuatu yang batin sementara Islam melambangkan sesuatu yang zahir. Oleh itu, Iman dan Islam tidak boleh dipisahkan. Islam umpama pokok sementara Iman umpama akar. Ibadat solat merupakan batang kepada pokok itu sementara beriman kepada Allah SWT merupakan akar tunjangnya di mana ia menjadi teras keimanan seseorang. Pemisahan Iman dan Islam samalah kita memisahkan pokok dari akarnya.

5. Hubungan Ihsan Terhadap Islam

Ihsan bermaksud bekerja dengan baik dan tekun (Nur Hadi, 2019). Dari segi *syara'* bermaksud melakukan sesuatu dengan sebaik-baiknya terhadap perbuatan zahir dengan ibadat dan perbuatan batin dengan ikhlas. Manakala, berdasarkan hadis yang diriwayatkan dari Umar al-Khattab *Radhiyallahu 'anhu*, Ihsan itu “Engkau beribadah kepada Allah SWT seolah olah engkau melihat-Nya, maka bila engkau tidak melihat-Nya, sesungguhnya Allah SWT melihatmu.” (Kamaru Salam Yusof & Suwaibah Muda, 2014). Al-quran pula menerangkan dengan meluas ciri-ciri Ihsan dan mereka yang bersifat muhsinin (berbuat kebaikan). Antaranya firman Allah SWT,

Maksudnya: “Jika kamu berbuat kebaikan, maka faedah kebaikan yang kamu lakukan ialah untuk diri kamu dan jika kamu berbuat kejahatan maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga.”

(Surah al-Isra' 17:7)

Kedudukan Ihsan adalah tinggi di sisi Islam dalam konteks melengkapkan ciri-ciri keimanan dan keislaman individu dan masyarakat Islam seluruhnya. Al-Quran menerangkan bahawa Ihsan wajib menjadi tabiat manusia. Allah SWT telah memberi ni'mat kepada manusia dengan Ihsan-Nya, maka manusia perlu Ihsan dengan ni'mat ini kepada makhluk. Firman Allah SWT;

Maksudnya: *“Dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah swt) sebagaimana Allah swt berbuat baik kepadamu (dengan pemberian ni’matNya yang melimpah-limpah.”*

(Surah al-Qasas :77)

Seseorang individu yang melakukan Ihsan akan merasa tenang yang tidak dapat dirasakan oleh orang lain dan orang yang menerima Ihsan itu sendiri merasa senang. Kasih sayang kepada pelaku Ihsan akan memberi kebahagiaan jiwa. Mereka yang membuat keburukan tidak akan mendapat ketenangan hidup. Oleh itu, Allah SWT telah memberi galakan supaya berbuat Ihsan sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah swt menyuruh kamu berlaku adil, dan berbuat ihsan (kebaikan), serta memberi bantuan kepada kaum karabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan keji dan mungkar serta zalim.”

(Surah al-Nahl: 90)

Al-Quran mengangkat martabat Ihsan dengan begitu tinggi lebih-lebih lagi jika turut disertakan dengan ikhlas kepada Allah SWT dan kedua-dua ini dianggap sebagai sifat yang paling tinggi dan mulia yang patut ada pada diri setiap muslim. Kesimpulannya kalau Iman itu umpama akar, Islam umpama pokok maka Ihsan pula umpama buah yang baik. Demikianlah hubungan di antara Iman, Islam dan Ihsan.

6. Penutup

Kesimpulannya, secara konsep teori, tiga elemen iaitu Iman, Islam, dan Ihsan dapat dibezakan namun dari segi praktikalnya tidak dapat dipisahkan bagi menjayakan pembinaan individu muslim yang syumul dalam menggambarkan sebuah falsafah rukun Islam yang sebenar. Elemen Iman, Islam dan Ihsan, antara satu sama lainnya saling berkait dan berhubung. Iman menyangkut aspek keyakinan dalam hati iaitu aqidah atau keyakinan. Manakala, Islam bermaksud keselamatan, kedamaian, patuh, dan tunduk dan Ihsan pula bermaksud selalu berbuat baik dan melakukan sebaiknya kerana merasa diperhatikan oleh Allah SWT. Ketika mana setiap individu muslim mampu menjelmakan pengahayatan terhadap falsafah rukun Islam ini, maka akan mengubah kepada komuniti sesebuah keluarga dan masyarakat tersebut sehingga lah menjadi sebuah negara seperti Madinah zaman Rasulullah SAW ketika dahulu serta boleh menjangkau kegemilangan Islam semula seperti di zaman Abbasiyyah dan kerajaan Tuki Uthmaniyyah. Bahkan, dalam melihat dari sudut falsafah rukun Islam juga, terdapat fasa pembumian pembinaan individu secara berperingkat bermula daripada penyaksian syahadah, menunaikan solat, berpuasa, mengeluarkan zakat dan mengerjakan haji. Justeru, kajian ini juga mencadangkan kajian lanjutan bagi melihat fasa-fasa pembinaan individu tersebut berdasarkan falsafah rukun Islam.

Rujukan

- Abdul Karem Zaidan. (2007). *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar. ISBN 967-83-0079-6.
- Abu A’la al-Maududi. (1984). *Dasar-Dasar Islam*. Seri Kembangan, Pustaka Buku Putih.
- Abu A’la al-Maududi. (1993). *Prinsip-Prinsip Islam*. Penerbit PT Almaarif Bandung. ISBN 967-83-0067-20.
- Abu A’la al-Maududi. (2006). *Asas-Asas Islam*. Shah Alam, Dewan Pustaka Fajar. ISBN 967-83-0067-20.

- Abu A'la al-Maududi. (2010). Koleksi Tulisan Terbaik Al-Maududi. Seri Kembangan, Pustaka Buku Putih.
- Aerisuli Awang. (2011). Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. Disertasi Ijazah Sarjana. Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Al-Qardhawi, Y. (1995). Al-Ibadah fi Al-Islam. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Budiman Radhi. (1981). Falsafah Rukun Islam bertalian kepada politik Ekonomi dan Sosial. Singapura: Pustaka Nasional. ISBN 9971770377.
- Harun Din. (1984). Konsep dan Falsafah Rukun Islam. Himpunan Kertas kerja Kursus Dakwah dan Kepimpinan bagi Guru-guru. Kuala Lumpur, Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Jasni Sulong. (2016). Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang dan Fatwa di Pulau Pinang. Afkar, 18 Special Issue, 1-34.
- Kamaru Salam Yusof & Suwaibah Muda. (2014). Fi Zilal an-Nawawiyah: Pengajaran Dakwi dan Tarbawi dari Hadis 40 Imam An-Nawawi. Seri Kembangan, Pustaka Buku Putih.
- Mohamad Sabri Haron, Riki Rahman. (2016). Pengagihan Zakat dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid Al-Syari'ah. Labuan e-Journal of Muamalat and Society, 10, 129-140.
- Mohd Nasir Masroom, Siti Norlina Muhammad & Siti Aisyah Panatik. (2013). Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa. Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam (SePPIM13) yang berlangsung pada 17 & 18 Sept. 2013 bertempat di Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru, 582-590.
- Said Ramadan al-Buti. (2018). Fiqh al-Sirah. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar. ISBN 967-83-0063-X.
- Sofiy Al-Rahman AL-Mubarakfuri. (2011). Al-Raheeq Al-Makhtum (Sirah Rasulullah SAW). Kuala Lumpur – Crescent News SDN BHD. ISBN 978-983-2277-00-0.
- Thoriq Ahmad. (2010). Ini Sejarah Kita. Seri Kembangan – Pustaka Buku Putih. ISBN-13: 978-967-11678-0-9.
- Yusuf Qardawi. (1993). Malamih al-Mujtama' al-Muslim Allazi Nansyuduhu. Kaherah.